

Agong Saran Hubungan Malaysia-Vietnam Dipererat Di Sebalik Ketakpastian Ekonomi Dunia
Bernama
6 Sept, 2013
Daripada Siti Aisyah Harun

HANOI, 6 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah bertitah negara seperti Malaysia dan Vietnam perlu bekerjasama bagi mengatasi halangan ketika berdepan ketakpastian ekonomi dunia serta cabaran lain yang mungkin wujud tanpa amaran.

Baginda bertitah dalam forum antarabangsa, kedua-dua negara sering berkongsi pandangan berkaitan kebanyakan isu penting.

"Kita berharap kerjasama dan sokongan seperti ini akan terus diperkukuh di peringkat serantau dan antarabangsa untuk manfaat kedua-dua negara.

"Kerjasama erat ini sememangnya penting bagi melindungi kepentingan negara kita di peringkat global," titah Tuanku Abdul Halim pada jamuan negara yang dihoskan Presiden Vietnam Truong Tan Sang di sini Jumaat malam.

Berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Hanoi, majlis itu turut diserikan dengan keberangkatan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah. Seri Paduka berdua tiba di sini pada Khamis untuk lawatan negara empat hari.

Tuanku Abdul Halim turut menyifatkan lawatan baginda ke Vietnam sebagai tepat pada masanya serta penting bagi hubungan dua hala sejak kedua-dua negara mewujudkan hubungan diplomatik 40 tahun lepas, iaitu pada Mac 1973.

Sejak itu, titah baginda, hubungan dan kerjasama antara Kuala Lumpur dan Hanoi menyaksikan lonjakan ketara sehingga ke hari ini.

Titah baginda itu merujuk kepada pelaburan Malaysia di Vietnam yang mencecah US\$10.2 bilion dalam 429 projek manakala perdagangan dua hala berjumlah kira-kira US\$9.03 bilion pada 2012.

"Harapan kita ialah agar hubungan baik ini akan dipertingkatkan dan diperluas bagi merangkumi semua bidang kepentingan bersama bagi kesejahteraan masa depan rakyat di kedua-dua negara.

"Memandangkan Malaysia dan Vietnam adalah jiran yang dekat secara geografi dan berkongsi budaya yang sama, kita merasakan matlamat ini tidak mustahil untuk dicapai," titah baginda.

Malaysia dan Vietnam memeterai pelbagai perjanjian kerjasama dalam bidang seperti ekonomi, perdagangan, sains dan teknologi, penerbangan, pelaburan, pelancongan, perbankan, belia dan sukan selain memorandum persefahaman dalam bidang lain.

Tuanku Abdul Halim juga bertitah bahawa baginda bangga dengan hubungan kerja yang erat antara Malaysia dan Vietnam dalam rangka kerja ke arah mencapai Komuniti Asean menjelang 2015.

Sementara itu, Truong berkata pihaknya berpuas hati dengan perkembangan positif serta mapan dalam persahabatan dan pelbagai bentuk kerjasama antara Vietnam dan Malaysia selepas 40 tahun menjalin hubungan diplomatik.

"Hubungan politik kita semakin boleh dipercayai dan terikat manakala hubungan keselamatan serta pertahanan terus diperkukuh," katanya.

Beliau juga berkata Malaysia muncul pelabur kelapan terbesar dalam kalangan negara dan wilayah yang melabur di Vietnam.

Merujuk sambutan kemerdekaan Malaysia yang ke-56 baru-baru ini, presiden itu mengambil peluang untuk mengucapkan tahniah kepada rakyat Malaysia di atas pencapaian pentingnya dalam tempoh enam dekad kebelakangan ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=975867>